

# Perutusan YAB Perdana Menteri

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu berusaha dengan lebih giat, dalam mengorak langkah menjadi salah satu daripada pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. PKS merangkumi 99% daripada pertumbuhan perniagaan dan menyumbang sebanyak 32% kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia, PKS mencakupi 56% daripada jumlah pekerjaan dan 19% daripada jumlah eksport negara. Selaras dengan ini, Kerajaan Malaysia terus beriltizam ke arah membangunkan sektor PKS yang kukuh dan berdaya saing sebagai satu strategi utama pembangunan negara.



Kerajaan sememangnya menyedari bahawa sektor PKS yang produktif dan dinamik merupakan komponen penting dalam usaha mencapai pembangunan ekonomi yang mampan. Dalam hal ini, PKS berperanan menyumbang ke arah pembangunan ekonomi melalui pewujudan peluang pekerjaan dan penjanaan pendapatan. Oleh itu, kepentingan sektor PKS sentiasa diutamakan dalam Rancangan Malaysia dan Pelan Induk Perindustrian. Di samping itu, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang saya pengerusinya, telah menghasilkan rangka kerja yang menyeluruh untuk pembangunan PKS oleh Kerajaan.

Dasar dan strategi khusus untuk menggalakkan pembangunan sektor PKS telah dijadikan satu inisiatif untuk membina kapasiti dan keupayaan, mewujudkan infrastruktur yang menyokong dan memberikan kesemua akses pembiayaan penting untuk PKS, bagi memastikan pembangunan yang bersepadu dalam kesemua sektor. Sehubungan dengan itu, Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan, iaitu pernyataan tahunan program pembangunan PKS yang menyeluruh oleh Kementerian dan Agensi yang berkenaan terus dirumuskan bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh PKS. Saya berbesar hati untuk memaklumkan bahawa pelaksanaan Rangka Tindakan yang kini dalam tahun ketiga telah terus menghasilkan penambahbaikan dalam penyampaian program pembangunan kepada PKS.

Pada tahun 2007, 72% daripada program yang dilaksanakan telah memenuhi atau melebihi sasaran yang ditetapkan dan telah memanfaatkan sebanyak 286,755 PKS, manakala bakinya sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Program ini tertumpu pada usaha mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan PKS, terutama dalam bidang peningkatan kemahiran, pembangunan keusahawanan, pemasaran dan promosi, pembangunan produk dan penambahbaikan teknologi. Di samping itu, rangka kerja ini juga bertujuan mengukuhkan kerjasama dan penyelarasan antara Kementerian dengan Agensi.

Landskap kewangan terus berubah pada tahun 2007 untuk menyokong pembangunan sektor PKS. Sesuatu yang amat menggalakkan ialah institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) telah meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS dengan ketara. Ini termasuk penyediaan kemudahan pembiayaan mikro. Tambahan pula, Tabung Modal Usaha Niaga untuk sektor pertanian bernilai RM300 juta telah disediakan. Hasil daripada inisiatif ini, pembiayaan kepada PKS terus meningkat dengan nyata pada tahun 2007. Institusi perbankan dan IKP kekal sebagai sumber pembiayaan terbesar untuk PKS, dan telah meluluskan RM63.2 bilion kepada lebih 132,000 akaun PKS, melebihi sasaran yang diunjurkan iaitu RM51 bilion kepada 110,000 akaun PKS.

Bagi tahun 2008, 198 program utama telah dikenal pasti untuk pelaksanaan, dengan komitmen kewangan sebanyak RM3.2 bilion. Sejajar dengan strategi Kerajaan untuk menggalakkan PKS menjalankan usaha niaga di luar negara bagi tujuan pengembangan pasaran, hampir satu perlima daripada program bagi tahun 2008 disasarkan untuk mempertingkatkan akses PKS kepada pasaran dalam negeri dan antarabangsa melalui penyediaan pinjaman, geran dan program bantuan lain. Program juga diwujudkan untuk menggalakkan penyertaan PKS dalam sektor komoditi serta meningkatkan daya saing PKS yang sudah sedia ada dalam sektor tersebut dengan menerima pakai teknologi dan latihan melalui kursus dan seminar. Pada tahun 2008, program pengembangan pasaran yang membantu PKS mewujudkan kerjasama dengan syarikat besar, syarikat berkaitan Kerajaan dan pasar raya besar, akan terus dilaksanakan untuk mengukuhkan keupayaan teknikal dan inovatif PKS. Kerjasama ini dijangka dapat memperluas peluang PKS untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka.

Keperluan untuk PKS beralih kepada pertumbuhan yang didorong produktiviti kini menjadi lebih penting. Hal ini sejajar dengan trend kenaikan harga makanan dan bahan api global, dan kesan daripada kenaikan harga barangan ini terhadap kos menjalankan perniagaan. Oleh yang demikian, Kerajaan telah memperkenalkan lebih banyak inisiatif untuk PKS pada tahun ini. Saya, dengan ini, ingin menyeru PKS supaya mengambil peluang daripada inisiatif ini untuk mengawal dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan melalui penambahbaikan proses dan mencapai tahap tinggi dalam rantaian nilai kepada bidang baharu dengan kelebihan kompetitif yang nyata.

Akhir sekali, saya mengulangi komitmen Kerajaan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang diperlukan untuk pertumbuhan PKS. PKS pula harus terus berusaha membina kapasiti mereka untuk bersaing bukan sahaja di dalam negeri, tetapi juga dalam pasaran global. Dengan semangat bekerjasama, saya yakin sektor PKS akan dapat menyumbang secara positif ke arah matlamat pembangunan jangka panjang negara.



**Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri Malaysia  
24 Julai 2008